



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/02/42 (HQ)

### PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN: KESTABILAN BEKALAN ELEKTRIK TANGGUNGJAWAB BERSAMA

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** memerlukan kerjasama orang ramai termasuk para kontraktor yang melakukan kerja-kerja pengorekan, agar berusaha mengelak sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan kestabilan bekalan elektrik sepanjang Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Ketua (Operasi) Rangkaian Pembahagian (Head (Operations), Distribution Network) TNB, Mohd Yusof Ibrahim menyeru kepada semua para kontraktor untuk bersama-sama memainkan peranan dengan mengamalkan sikap bertanggungjawab sebelum melakukan kerja-kerja pengorekan.

Tahun lalu, terdapat 459 kes kerosakan akibat pengorekan pihak ketiga dilaporkan dengan negeri Selangor mencatatkan kes tertinggi sebanyak 118 kes yang menjejaskan 141,000 pengguna. Kuala Lumpur pula mencatatkan 108 kes (94,000 pengguna), diikuti Pahang dengan 43 kes (55,000 pengguna).

Yusof juga mengulangi saranannya kepada pihak kontraktor yang melakukan kerja-kerja pengorekan untuk menyemak dengan TNB sebelum memulakan kerja agar gangguan bekalan elektrik dapat dielakkan.

Orang ramai pula, katanya, diminta memaklumkan segera kepada TNB CareLine 15454 atau menghubungi pihak polis apabila ternampak pihak mencurigakan yang mencerooboh pemasangan TNB seperti pencawang dan menara talian.

“Kegiatan mengusik dan mencuri pemasangan TNB boleh menyebabkan percikan arka dan seterusnya gangguan bekalan elektrik.

“Bermain layang-layang dan drone berhampiran talian TNB serta membawa galah dan memancing di kolam atau tasik di bawah talian TNB juga mengundang risiko yang sama,” jelas beliau merujuk kepada risiko yang boleh menyebabkan gangguan bekalan.

Peringatan ini adalah sebahagian daripada langkah berjaga-jaga demi menjamin keselamatan vaksin COVID-19 berikutan Malaysia mula menerima vaksin Pfizer-BioNTech pada 21 Februari. Ia akan disusuli dengan fasa pertama program imunisasi pada 26 Februari ini.

Bekalan elektrik yang stabil diperlukan kerana vaksin tersebut perlu disimpan pada suhu -70 darjah Celsius. TNB sebelum ini telah memaklumkan pihaknya akan memastikan bekalan elektrik di Pusat Simpanan Vaksin (PSV) dan lebih 600 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara akan stabil sepanjang pelaksanaan program imunisasi.

“Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan adalah agenda penting negara untuk melawan virus yang hampir setahun merencatkan pelbagai aspek kehidupan kita,” katanya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Februari 2021, jam 1:20 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*